

TERMA RUJUKAN

BAYARAN PERUNDING BAGI PROJEK CUTTING RED TAPE (MyCURE) 2019

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

TERMA RUJUKAN UNTUK BAYARAN PERUNDING BAGI PROJEK CUTTING RED TAPE (MyCURE) DIPERINGKAT KEMENTERIAN DAN NEGERI

1.0 PENGENALAN

Pada tahun 2016, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah memperkenalkan program *Cutting Red Tape* (MyCURE) sebagai sebahagian daripada inisiatif di bawah amalan baik peraturan untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam dan memudahkan urusan menjalankan perniagaan.

Program MyCURE bertujuan untuk menghapuskan amalan birokrasi yang tidak perlu, mengurangkan masa dan kos pematuhan untuk kesenangan dan kemudahan orang awam, dan komuniti perniagaan khususnya.

2.0 OBJEKTIF

Objektif projek adalah seperti berikut:

- 2.1 Mengurangkan kerenah birokrasi melalui penglibatan awam dan swasta.
- 2.2 Menambah baik peraturan / prosedur / proses yang dikenalpasti oleh komuniti perniagaan dan orang ramai.
- 2.3 Meningkatkan penyampaian perkhidmatan sektor awam melalui pengurangan beban peraturan / kerenah birokrasi.
- 2.4 Untuk melatih dan menerapkan amalan penambahbaikan peraturan sedia ada kepada pegawai negeri dan kementerian.

3.0 SKOP PROJEK

Projek Cutting Red Tape (MyCURE) akan menggunakan kaedah latihan dan perundingan mengikut fasa yang telah ditetapkan.

NO	PERKARA
1	FASA 1: • Pengenalan kepada amalan baik peraturan (GRP) • Memahami metodologi CURE • Definisi masalah dan proses pemetaan • Mengenalpasti pihak berkepentingan
2	FASA 2: • Mewujudkan pelan pengumpulan data • Menjalankan kajian awalan dan pengiraan kos pematuhan • Menganalisa isu/punca utama
3	FASA 3: • Kajian semula dan mengesahkan kesahihan data dikumpul • Mengenalpasti isu di dalam jurang prestasi (<i>performance gap</i>) dan jurang kecekapan (<i>competency gap</i>)
4	FASA 4: • Menjalankan kajian penanda aras • Mencadangkan penyelesaian alternatif dan pilihan • Memuktamadkan laporan CURE

Berikut adalah senarai projek yang dirancang bagi tahun 2019.

BIL	PROJEK	JUMLAH PROJEK
1	Johor	5
2	Negeri Sembilan	5
3	Sabah / Terengganu	5
4	Kementerian Industri Utama (MPI)	5
5	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (NRE)	5

4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PERUNDING YANG DILANTIK

Perunding yang dilantik **perlulah** bertanggungjawab bagi perkara - perkara berikut:

- 4.1 Menyiapkan projek mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- 4.2 Menghantar laporan kemajuan projek (*Lampiran A*) mengikut fasa sebelum membuat tuntutan bayaran.
- 4.3 Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelaksanaan projek yang diberikan.
- 4.4 Mengeluarkan laporan akhir kajian kes projek (*Lampiran B*).

- 4.5 Bersedia untuk membuat pembentangan pada mana-mana mesyuarat / bengkel / jawatankuasa sekiranya diperlukan.
- 4.6 Hadir mesyuarat dan bengkel seperti yang ditetapkan.
- 4.7 Sebarang perlanjutan tempoh projek atau tambahan lawatan perundingan mesti dimaklumkan dan mendapat kelulusan khas MPC terlebih dahulu.
- 4.8 Sebagai wakil MPC, perunding perlu sentiasa menjaga nama dan imej MPC.
- 4.9 MPC mempunyai hak untuk menghentikan kontrak perundingan sekiranya perkhidmatan yang diberikan didapati tidak memuaskan.

5.0 TEMPOH PROJEK

Enam (6) bulan bermula dari Jun hingga Disember 2019.

6.0 BAYARAN

Bayaran kepada Perunding adalah berbeza mengikut zon yang telah ditetapkan. Kadar ini meliputi bayaran professional, kos perjalanan, kos pengangkutan, kos penginapan dan lain-lain kos berkaitan **kecuali** bagi empat (4) bengkel, **kos penginapan dan perjalanan (tiket kapal terbang sahaja) akan ditanggung oleh MPC.** Jumlah bayaran kepada perunding yang dilantik adalah seperti berikut:

Bil.	Lokasi	Jumlah Bayaran (RM)
1.	Zon A (Selangor, Putrajaya, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka)	20,500.00
2.	Zon B (Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Terengganu, Johor)	24,400.00

Nota: Kadar bayaran terperinci mengikut fasa dan zon adalah seperti di **Lampiran C**.

LAPORAN KEMAJUAN PROJEK CUTTING RED TAPE (MyCURE)

NAMA : **NO. LAWATAN :**

PROJEK : **TARIKH LAWATAN :**

BIL	LAPORAN STATUS	ISU	CADANGAN

Disediakan oleh	
------------------------	--

Diterima oleh	
----------------------	--

KERANGKA LAPORAN AKHIR

Abreviasi

Glosari dan Definisi

Ringkasan Eksekutif

- 1 Pengenalan CURE**
- 2. Pengenalan**
 - 2.1 Latar belakang organisasi / bahagian**
 - 2.2 Projek**
- 3. Findings / Penemuan Isu**
 - 3.1 Senario semasa**
 - 3.2 Isu**
 - 3.3 Cadangan Penyelesaian/Penambahbaikan**
 - 3.4 Konsultasi/Perundingan**
 - 3.5 Penandaarasan /Amalan Baik**
 - 3.6 Pelan Tindakan**
 - 3.7 Impak & Faedah**
 - 3.8 Kos Pematuhan**
- 4. Isu & Cabaran Pelaksanaan Projek**
- 5. Rumusan / Penutup**
- 6. Rujukan / Lampiran / Gambar / Slaid Pembentangan Akhir**

LAMPIRAN C**KADAR BAYARAN MENGIKUT ZON****ZON A (Selangor, Putrajaya, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka)**

NO	PERKARA	HARI	JUMLAH
1	FASA 1:		
	I. Bengkel	2	3,000.00
	II. Lawatan perundingan 1	1	1,500.00
2	FASA 2:		
	I. Bengkel	2	3,000.00
	II. Lawatan perundingan 2	1	1,500.00
3	FASA 3:		
	I. Bengkel	2	3,000.00
	II. Lawatan perundingan 3	1	1,500.00
4	FASA 4:		
	I. Bengkel	2	3,000.00
	II. Lawatan perundingan 4	1	1,500.00
5	LAWATAN PERUNDINGAN 5	1	1,500.00
6	LAPORAN AKHIR		1,000.00
JUMLAH		12	20,500.00

ZON B (Pahang, Perlis, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor)

NO	PERKARA	HARI	JUMLAH
1	FASA 1:		
	III. Bengkel	2	3,600.00
	IV. Lawatan perundingan 1	1	1,800.00
2	FASA 2:		
	III. Bengkel	2	3,600.00
	IV. Lawatan perundingan 2	1	1,800.00
3	FASA 3:		
	III. Bengkel	2	3,600.00
	IV. Lawatan perundingan 3	1	1,800.00
4	FASA 4:		
	III. Bengkel	2	3,600.00
	IV. Lawatan perundingan 4	1	1,800.00
5	LAWATAN PERUNDINGAN 5	1	1,800.00
6	LAPORAN AKHIR		1,000.00
JUMLAH		12	24,400.00

